

17/10/1997

Negeri diminta tubuh lembaga urus sungai

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua negeri menubuhkan Lembaga Pengurusan Sungai sebagai langkah mengatasi masalah pencemaran sungai yang semakin serius di negara ini.

Permintaan Perdana Menteri itu dikemukakan dalam pertemuan beliau dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di ibu negara, baru-baru ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata penubuhan lembaga itu akan memudahkan kerajaan negeri bekerjasama dengan agensi pusat khususnya Jabatan Alam Sekitar (JAS), dalam meningkatkan kebersihan sungai masing-masing.

Menurutnya, tugas lembaga itu termasuk memastikan cara membersihkan dan menjaga sungai yang terperinci serta mengenal pasti kaedah terbaik penggunaan sungai sebagai sumber bekalan air.

"Ia adalah cadangan oleh Perdana Menteri (Dr Mahathir), dan bila akan ia dilaksanakan terpulang kepada kerajaan negeri.

"Pencemaran sungai adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian serius selain masalah udara, dan saya berharap tumpuan khususnya perlu diberikan ke arah usaha mewujudkan bekalan air yang lebih bersih," katanya selepas menyampaikan Anugerah Kewartawanan Alam Sekitar ICI-CCM 1997 di sini, hari ini.

Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekitar terbaru, JAS mendedahkan sebanyak 57 sungai utama di negara ini mengalami pencemaran teruk akibat kerja tanah dan pembukaan kawasan.

Menurut laporan itu, Johor dan Sarawak mempunyai bilangan sungai tercemar tertinggi dengan masing-masing 14, diikuti Sabah (9), Perak (5), Pulau Pinang (4), Selangor (3), Melaka dan Terengganu (2); dan Negeri Sembilan (1).

Law berkata, pelaksanaan dan keberkesanan cadangan itu kini bergantung kepada kerajaan negeri dan beberapa negeri seperti Sarawak sudah mempunyai lembaga berkenaan.

"Saya harap negeri lain khususnya yang mempunyai sungai yang banyak akan turut berbuat demikian," katanya.

(END)